



**SURAT PEMBERITAHUAN
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 38 (b)

Hanya dibukakan bagi pemohon daripada kalangan Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat di Kementerian / Jabatan di mana kekosongan jawatan diiklankan sahaja.

**PEGAWAI PENYELIDIK KANAN (B.3)
JABATANARAH DASAR PERTAHANAN
KEMENTERIAN PERTAHANAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Surat Pemberitahuan ini hendaklah dibawa kepada pengetahuan serta perhatian semua Pegawai-Pegawai yang layak untuk memohon

Syarat-Syarat Am:

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon adalah dipelawa daripada Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat **di Kementerian Pertahanan**.
- (C) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (D) Bersedia untuk bertugas pada bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.



**PEGAWAI PENYELIDIK KANAN
JABATANARAH DASAR PERTAHANAN
KEMENTERIAN PERTAHANAN
B.3 (\$3,880 - \$4,240 EB KHAS \$4,360 - \$4,840 SEBULAN)
KEKOSONGAN = DUA (02)**

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang *Defense Studies / International Relations / Political Science / Public Policy / Strategic Studies* atau bidang bersesuaian.
Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah kelebihan.
- b) Telah berkhidmat di Kementerian Pertahanan dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji B.2 EB.3 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun dan ditetapkan dalam jawatan.

ATAU

- c) **Bagi yang tidak mempunyai Ijazah**, hendaklah telah berkhidmat di Kementerian Pertahanan dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji B.2 atau sebanding tidak kurang dari 8 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.
2. Mempunyai Laporan Prestasi di tahap sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

1. Menerajui Unit Penyelidikan dalam tanggungjawab sehari-hari;
2. Memantau keperluan Strategik Unit Penyelidikan dari segi produk dan urutan jangka masa panjang;
3. Memantau dalam persiapan substantif lawatan dan hal-hal berkaitan bagi mencapai *output* yang diperlukan;
4. Bertanggungjawab ke atas perancangan latihan Bahagian / Unit Penyelidikan;
5. Membuat perancangan dalam hal-hal pentadbiran bagi Unit Penyelidikan;



6. Memastikan kesinambungan di antara Unit Penyelidikan dan Pentadbiran bagi sama-sama mencapai visi dan misi Jabatanarah;
7. Mengikut arahan-arahan lain yang diberikan oleh pegawai atasan di Jabatanarah dan Kementerian Pertahanan; dan
8. Mewakili Jabatanarah dan Kementerian Pertahanan dalam mesyuarat-mesyuarat dalam dan luar negara.